

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 2 RABU 8 JANUARI, 1969

1388 رابو 18 شوال

PERCHUMA

Belia2 di-seru supaya memberikan khidmat yang berfaedah

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah menyeru seluruh belia2 tanah ayer supaya memberikan segala sukongan dengan jiwa raga mereka pada memberikan khidmat yang berfaedah terhadap negara.

Duli Yang Teramat Mulia itu juga menyeru belia2 supaya menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Kerajaan Baginda.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah membuat seruan itu dalam sabda ucapan sa-jurus sa-belum merasmikan Kongres Agong Perwakilan Majlis Belia2 Negeri Brunei di-Dewan Raya bangunan JPP dan DBP, Bandar Brunei pada pagi Rabu, 1 Januari lepas.

Duli Yang Teramat Mulia meyakinkan belia2 di-negeri ini bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sa-mang-nya mengharapkan sukongan dan dukongan mereka terhadap pelaksanaan ranchangan2 yang berkebajikan dan bermunafaat.

Mengingatkan kapada belia2 tanah

ayer, Duli Yang Teramat Mulia bersabda bahawa belia2 hari ini akan menempoh satu zaman yang penoh dengan liku2 chabaran dan dugaan dari masa ka-masa.

“Usaha2 belia ka-arrah ini hendak-lah tidak hanya di-hadkan kapada perbinchangan2 dan pengeluaran fikiran di-akhbar2 baik dalam makalah2 mahu pun sajak yang hanya melukiskan sintemen, tetapi jiwa hendak-nya menjangkau pada tindakan yang berkebajikan dengan hasrat hati yang bersungguh2 terhadap menchintai keamanan dan ketenteraman negara,” sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia itu bersabda bahawa asas bagi mengelokkan negara menuju ka-arrah bahagia ia-lah dari ada-nya cherdek pandai yang rajin dan amanah serta patoh kapada peraturan atau undang2 negeri.

(Lihat Muka 8)



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah berangkat untuk berziarah ka-Makam Di-Raja dan ka-Luba pada petang hari Sabtu lepas.

Baginda telah di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheria2, Pehin2 dan orang2 kenamaan.

Di-antara yang di-ziarahi baginda, termasuk-lah makam Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin dan Makam Al-Marhum Sultan Hashim.

Gambar atas menunjojkan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan sedang menuangkan “ayeng-asah2an” ka-atas nisan Makam Sultan Kemaluddin di-Luba dan di-ikuti oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong (gambar bawah).



D. Y. T. M. Paduka Seri Begawan Sultan ketika berangkat masuk ka-Dewan Raya bagi merasmikan Kongres Agong Perwakilan Majlis Belia2 Negeri Brunei dengan di-iringkan oleh bekas Yang Di-Pertua Majlis Belia2, Y.B. Awang Abd. Aziz Umar (kanan) dan Yang Di-Pertua Majlis yang baru, Y. D. M. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa, Haji Awang Md. Zain bin Haji Seruddin (kiri).



Sambongan ucapan Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato Utama John Lee dalam Majlis Mashuarat Negeri (Belanjawan).

Kemajuan yang menggalakkan dalam ranchangan lima tahun

Mengenai peruntukan bagi **perbekalan ayer** pula kemajuan telah juga di-buat dengan rangka2 yang terperinci untuk ranchangan baru di-Daerah2 Brunei/Muara dan Tutong. Ini melibatkan mengepam ayer daripada Sungai Tutong limpas dari jarak tuhor dan pembenaan-nya akan di-mulakan pada tahun hadapan.

Satu ranchangan untuk Kuala Belait dan Seria dan daerah2 di-sekitar-nya baru2 ini telah pun di-luluskan dan butir2 tinjauan dan rangka-nya akan di-mulakan dalam bulan Januari, 1969. Satu laporan mengenai kemungkinan bagi memperbaiki perbekalan2 di-Temburong ada-lah juga sedang di-pertimbangkan.

Kuasa Elektrek baru, di-siapkan dalam 1967 ada-lah berjalan dengan memuaskan hati dan kuasa mengalir terus-menerus ka-Bandar Brunei daripada jenerater2 yang digerakkan oleh gas di-Seria. Baki bagian ranchangan tersebut mengandungi penyambungan2 ka-kawasan2 luar bandar yang sedang terus di-perbaiki dalam kawasan2 yang ramai penduduk-nya.

Satu permulaan yang menggalakkan telah di-buat ka-atas ranchangan Lima Tahun bagi memperbaiki perhubungan2 talikom sama ada di-dalam mahu pun di-luar. Satu exchange automatic yang baru dan yang di-perbesar telah dipasang di-Bandar Brunei, dan perhubungan telegraphic dengan Kuala Lumpur dan kemana juga ada-lah sekarang digerakkan oleh teleprinter.

Pada awal 1969 ada-lah di-jangka bahawa lima line yang ada sekarang ini ka-Kuala Belait akan di-tambah menjadi sepuluh atau 15 line. Alat2 perkakas juga akan di-tambah mengenai line2 yang ada sekarang ini di-exchange automatic di-Seria daripada 200 menjadi 400.

Pembenaan ranchangan saloran najis atau saloran2 utama di-Bandar Brunei dan Kuala Belait/Seria ada-lah berjalan dengan lancar-nya. Ranchangan2 yang seperti ini ada-lah penting dari segi kesihatan dan membolehkan bangunan2 tingi di-bena di-pusat2 kota kerana "septic tank" tidak akan digunakan lagi, kerana dalam jangka panjang ia-nya ada-lah lebih mahal perbelanjaan-nya dan memakan tempat untuk bangunan2 yang berguna. De-

ngan jalan ini juga pengangkutan najis2 semua sekali tidak akan ada lagi.

Saperti yang Ahli2 Berhormat akan menyedari, perhubungan2 luar di-rangka ada-lah bagi menggalakan industri, perdagangan dan pelanchongan mendapat pertimbangan2 khas dengan ranchangan2 untuk Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru dekat Berakas dan satu Pelabohan Ayer Dalam di-Muara.

Satu kontrak bagi pembenaan lapangan terbang baru2 ini telah di-berikan, dan lapangan terbang ini akan dapat di-gunakan sa-penoh-nya pada bulan Ogos, 1971.

Di-Muara, pengorekan dan pembenaan dock, kontrak-nya telah di-berikan pada awal tahun Kerja2 mengorek, ada-lah mengikut ranchangan dan bagi memotong melalui Tanjong Pelompong bagi membolehkan jalan masuk untuk kapal2 samudera ka-pelabohan ada-lah berjalan dengan lancar-nya.

Ranchangan ini siap sa-penoh-nya di-jangka dalam bulan Mei, 1970. Kemudahan2 ini ada-lah yang terbaik dalam Borneo dan kechenderongan mengenai-nya ada-lah di-tunjokkan oleh pembangun2 yang berkemampuan.

Mengenai bangunan2 Kerajaan satu daripada kemajuan besar yang di-chapai pada tahun ini ia-lah pembukaan bangunan yang gagah dan canteen ini di-mana kita mengadakan persidangan sekarang ini. Tetapi banyak bangunan2 baru lain, sama ada kepunyaan Kerajaan atau bersendirian telah tumbuh dengan pesat-nya di-semua pusat2 yang ramai penduduk-nya yang menunjukkan kemantapan daripada ekonomi Negara.

Di-antara beberapa perkara yang hendak di-chatetkan ia-lah Ibu Pejabat Pulis, Pejabat Pengangkutan Darat dan bangunan2 Setor2 Negara di-Jalan Gadong, Muzium, Pusat Belia dan sa-bilangan Balai2 Pulis dan Bomba di-luar bandar. Bangunan2 yang tertentu yang ada sekarang ini telah di-permoden dan di-perbesar, seperti Pejabat Pos Besar di-Bandar Brunei. Kolam Renang baru Bandaran yang berukoran Olympic ada-lah ternyata sangat di-sukai ramai.

Daripada jurusan pelajaran pula, pembenaan semula dan memperbesar sekolah2 rendah terus-menerus di-jalankan ber-

gandingan dengan perkembangan ranchangan2 besar seperti Sekolah Pertukangan dan penubohan Sekolah2 Mata Pencharian di-Bandar Brunei, Kuala Belait dan Tutong.

Sekolah2 ini ada-lah di-rangka bagi mengadakan pekerjaan untuk warga-negara2 muda dengan satu pekerjaan dalam perdagangan yang pada masa ini di-kuasai oleh pekerja2 mahir imigrant. Sekolah2 permulaan dan menengah baru ada-lah juga sedang dalam pembenaan-nya.

Kesihatan rakyat ada-lah merupakan kepentingan utama kepada Kerajaan, dan sungguhpun telah di-putuskan bagi meneguhkan pembenaan bangunan baru hospital di-Bandar Brunei sa-hingga ranchangan2 besar lain-nya siap, bangunan2 yang ada sekarang ini telah pun di-perbaiki dan dilengkapi oleh kaki-tangan yang cekap.

Sa-buah hospital baru yang khidmat-nya untuk Kuala Belait dan Seria dalam pembenaan-nya dan dalam tahun 1969 kerja2 akan di-mulakan mengenai sa-buah hospital Daerah yang kecil di-Tutong daripada sana jika ada kejadian2 yang parah boleh di-pindahkan kedua buah hospital yang lain-nya.

Kemajuan yang berjaya mengenai kempen anti malaria telah terpelihara, dan ada-lah sangat mengembirakan bagi menchatetkan bahawa tidak ada satu pun kejadian dalam tahun 1968. Usaha ada-lah sedang di-ambil bagi meninggikan lagi kempen2 mencegah batok kering.

Brunei terus-meneus ada-lah di-gariskan depan dalam kemajuan perubahan dengan pemasangan sa-buah jentera buah pingang di-Hospital Besar, Bandar Brunei. Dengan adanya jentera ini telah menyelamatkan sa-bilangan nyawa jika tidak tentu-nya telah melayang.

Berikutan usaha2 bagi menggalakan ekonomi dalam berbagai2 bidang kerja2 luar telah pun siap mengenai Tinjauan Kemampuan Tanah Negara, bagi menentukan kemampuan2 pertanian dan kehutanan negeri ini. Dalam awal tahun 1969 pakar2 yang telah di-lantek akan mengeluarkan peta2 dan maklumat2 yang di-dukong yang akan menunjukkan kegunaan yang sewajar-nya bagi

semua kawasan dalam Negeri ini.

Selari dengan tinjauan ini, nasihat mengenai perkhidmatan kerja2 pertanian ada-lah diperbesar, dan bantuan ternakan dan ranchangan2 pembalakan di-adakan.

Ranchangan yang sangat berjaya sekali ia-lah menternak ayam untuk penternak2 kecil dan lebih dari 300 unit murah, mudah tetapi berkesan ada-lah sedang di-usahakan dalam Negara.

Penternakan kerbau dan lembu ada-lah juga sedang diperbaiki melalui pembawaan masuk dan pembagian bibit2 yang lebih baik daripada yang biasa di-dapati dalam negeri ini. Pertunjokkan2 dan perkhidmatan2 sentiasa ada di-berbagai2 Stesen perchobaan Pertanian juga sedang di-perbaiki. Di-sepanjang tahun 1968 sa-banyak 74 tan baja "nitrogenous" telah di-bagi2kan kepada peladang2 demi untuk memperbaiki hasil tanaman padi.

Mengenai Kehutanan pula, pada tahun yang lalu saya telah menyatakan terhadap usaha2 yang di-lakukan bagi memperbaiki kegiatan2 papan tempatan. Dan hasil-nya import papan tidak-lah diperlukan lagi, juga di-harapkan akan di-ikuti pula perdagangan export. Tujuan2 jangka panjang mengandungi menghutankan semula kira2 450 batu persegi apa yang sebenar-nya merupakan tanah yang terbiar dan penubohan sa-buah industri pulp.

Mengenai Perikanan, satu ranchangan perchobaan untuk kolam2 udang di-Kuala Sungai Brunei terpaksa ditinggalkan kerana terlalu mahal perbelanjaan-nya, tetapi satu kolam menternak ikan tawar ada-lah sedang dalam pembenaan-nya. Di-kolam ini, perchobaan di-lakukan keadaan sa-suatu jenis ikan akan di-jalankan dan makanan yang sesuai untuk ikan akan di-adakan untuk penternak2 ikan.

Perchobaan2 bagi penangkapan ikan di-tepi pantai baru2 ini telah pun selesai dan satu laporan ada-lah di-nantikan. Hasil penangkapan ikan telah bertambah baik, dan ada kemungkinan-nya bahawa sa-buah industri yang memuaskan akan di-tubuhkan.

(Lihat Muka 6)

Lapangan terbang yang baru dan pelabohan Muara ada-lah merupakan pintu rezeki Brunei

KHUTBAH JUMA'AT

PADA 20 haribulan Disember, 1968 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, telah bertitah di-dalam majlis pembukaan sidang belanjawan bagi Majlis Mashuarat Negeri 1968. Antara lain Baginda bertitah sa-bagai berikut:

"Kerajaan Beta ada-lah dengan giat-nya berusaha menjalankan satu dasar yang di-maksudkan untuk memberi faedah yang sangat besar kepada raayat penduduk serta laila isi Negeri Beta Brunei Darul-Salam". Demikian titah Baginda.

Dalam mengurniakan ranchangan kemajuan, Baginda telah menyentoh ranchangan lapangan terbang baru, dan pelabohan Muara, kedua2 ranchangan itu akan menelan belanja yang sangat banyak, dalam pada itu ada-lah di-fikirkan bahawa kedua2 ranchangan tersebut dapat di-anggap sa-bagai pintu rezeki bagi Negeri Brunei.

Oleh yang demikian raayat negeri ini hendak-lah menginsafi dengan penoh kesedaran bahawa apabila di-katakan lapangan terbang dan pelabohan Muara sa-bagai pintu rezeki kepada negeri ini, maka ia tidak-lah berarti bahawa rezeki itu akan di-nikmati sa-penoh-nya oleh raayat negeri ini. Kerana rezeki pada kebiasaannya di-chapai dengan berkat usaha yang tekun, dan kerajinan yang tidak kenal bosan, serta pekerjaan yang teratur dan rapi, maka ranchangan2 tersebut jangan-lah di-biarkan menjadi gelanggang orang2 asing membuat kekayaan, tetapi kita raayat negeri ini diam berpelok tuboh menjadi penuntun kepada usaha2 dan kerajinan orang asing yang menggunakan kesempatan dengan sa-penoh2-nya bagi menchari re-

zeki daripada faedah2 lapangan terbang baru dan pelabohan Muara.

Ini tidak-lah merupakan satu sikap permusohan, atau pun satu sikap untuk menghalang orang2 asing menchari rezeki yang halal di-negara kita, kerana kerajinan yang di-tunjokkan oleh orang2 asing serta

itu hendak-lah kita fikirkan dari sekarang supaya di-jadikan jalan yang boleh kita menchapai sa-bahagian daripada kemuliaan itu.

Duli Yang Maha Mulia dalam titah itu juga menyentoh mengenai dengan pembenaan jalan2 raya di-kawasan2 luar bandar yang mana ranchangan tersebut bermaksud bagi meninggi-

Raayat di-seru supaya jangan ketinggalan bagi menchapai faedah2 dari kedua2 ranchangan itu

perchamporan kita dengan mereka itu boleh menambahkan pengetahuan dan pengalaman kita, apa yang di-maksudkan ia-lah supaya kita raayat negeri ini sama2 berjuang, dan sama2 memasoki perlumbaan di-dalam menchapai faedah2 dari ranchangan2 tersebut, jangan-lah kita di-kalahkan, jangan-lah kita berpelok tuboh, kerana titah Baginda ranchangan itu di-maksudkan untuk memberi faedah yang sangat besar kepada raayat negeri ini.

Oleh itu usaha2 hendak-lah di-buat dari sekarang bagi mengisi dan menggunakan kedua2 ranchangan itu dengan hasil usaha kita raayat negeri ini. Ini tidak-lah terkechuali mengadakan pegawai2 terdiri dari raayat negeri ini yang berkeelayakkan untuk menguruskan kedua2 ranchangan itu, serta memberikan masaalah yang berhubung dengan-nya.

Ugama kita ada-lah menyuroh kita berusaha untuk kebaikan dan kemajuan serta kemakmoran, dan Ugama kita menyuroh kita berusaha untuk menchapai kemuliaan hidup di-dunia dan di-akhirat.

Oleh kerana kita mahu hidup di-dunia, maka ranchangan lapangan terbang baru dan pelabohan Muara yang di-anggap sa-bagai pintu rezeki



menggunakan jalan2 raya itu sa-penoh-nya2 bagi menchapai hasrat Duli Yang Maha Mulia hendak meninggikan taraf hidup raayat.

Duli Yang Maha Mulia juga telah menyentoh masaalah perlombongan minyak di-negeri ini, yang mana hasil daripada perlombongan itu akan membuah kemewahan atau kekayaan negeri ini.

Masaalah jalan2 raya di-luar bandar yang mempunyai perhubungan dengan hasil mashul luar bandar dan juga masaalah minyak yang di-keluarkan dari perut bumi, jika di-tinjau dari sudut ugama, maka ia ada-lah merupakan perkara yang tidak bertentangan dengan Ugama, kerana Ugama menyuroh kita menchari rezeki yang halal. Ugama kita menyuroh kita mempergunakan dengan sempurna apa yang ada di-perut bumi untuk kebahagiaan kita dan untuk menchapai kemewahan dan kemuliaan. Kerana dengan demikian kita akan dapat memperkuat Ugama kita dan negara kita.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 8 Januari, 1969 hingga ka-hari Selasa 14 Januari, 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
8 Jan.		12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31
9 Jan.		12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31
10 Jan.		12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31
11 Jan.		12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33
12 Jan.		12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33
13 Jan.		12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33
14 Jan.		12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

8 Januari, 1969.

Belia dengan perkembangan yang baru

KONGRES Agung Perwakil-lan Belia telah pun selesai di-adakan dengan mem-buahkan hasil2 yang menjadi pegangan bagi panduan pene-rusan perjuangan belia dalam memberikan aktibiti2 yang bes-sar faedah-nya terhadap per-embangan negara, bangsa dan ugama.

Sejak akhir2 ini belia Brunei telah memperlihatkan diri-nya dengan kemampuan2 yang penoh dengan daya usaha yang sudah boleh di-ketengahkan. Mereka memperlihatkan kes-anggapan pada membangun dalam berbagai2 lapangan kemasharakatan termasuk la-pangan perekonomian, kebuda-yaan dan pendidikan.

Bagitu juga di-sepanjang sambutan Kepuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Baginda Sultan, belia2 bukan hanya mengamb-il bahagian yang aktif di-se-panjang sambutan itu, tetapi juga telah menyebarkan ikrar taat setia bagi menjun-jong kedaulatan Sultan dan Kerajaan.

Kemajuan yang di-chapai oleh belia2 sa-jauh ini ada-lah merupakan satu landasan yang memang menjadi hasrat Kerajaan atas tujuan sama2 bergerak bagi kebahagiaan ra-ayat seluruh-nya sesuai dengan amalan yang di-buat negara sa-bagai yang di-sebut negara kebajikan.

Kesedaran belia2 itu bukan hanya membantu usaha2 Ke-rajaan bagi mengekalkan ke-tenteraman dan kehidupan yang harmoni, bahkan juga dapat pula menimbulkan amalan2 orang ramai untuk hidup da-lam suasana persaudaraan sen-tiasa.

Kelichinan pergerakan belia di-negeri ini juga merupakan satu pertanda ujud-nya per-paduan yang kental di-kalan-gan rakyat dalam mendukung chita2 kerajaan yang ingin me-lihat keamanan dan ketentera-man yang sebenar2-nya.

Tetapi, bekas Yang Di-Per-tua Majlis Belia2 Negeri Bru-nei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar telah me-nyatakan keraguan-nya dari pendapat2 yang mungkin tim-bul yang menyarankan belia2 sa-bagai kuda tunggangan ka-pada orang2 yang tertentu.

Jika benar2 ada-nya penda-pat demikian, maka ia-nya merupakan satu penyakit yang akan menular dan bisa pula melumpuhkan pergerakan be-lia. Jika terjadi ini maka bes-sar kemungkinan perpaduan belia akan lenyap dan kemu-dian-nya akan menimbulkan kemungkinan2 yang tidak di-kehendaki.

Dari itu ada-lah penting bagi pemimpin2 belia dengan ber-sungguh2 berusaha mencari bintang2 pertahanan-nya yang kukuh sa-hingga anasir2 yang serupa itu dapat di-lumpoh-kan.

Badan2 belia harus mem-buka pandangan yang luas ter-hadap kemungkinan anasir2 itu dan menjejaki-nya sa-hin-gga tidak berjaya menyeludup masuk ka-dalam badan belia sendiri.



Pegawai Daerah Belait, Pen-giran Dato Paduka Momin ketika merasmikan pembukaan Sharikat Perniagaan Minyak Melayu, Seria. Di-sabelah kiri beliau ia-lah pengerusi sharikat itu, Awang Husain bin Esa.

Pegawai Pengurus sharikat, Awang Ibrahim Ghani keli-hatan sedang menjalankan tu-gas di-station menjual min-yak.

Ini-lah station menjual minyak yang di-punyai oleh Sharikat Perniagaan Minyak Melayu, Seria yang letak-nya di-Jalan Kenanga, Seria.

PERUSAHAAN MELAYU SEMAKIN MAJU

ORANG2 MELAYU menyedari beberapa kelemahan mereka di-segi perusa-haan2 perniagaan. Kelemahan itu bukan-nya merupakan sa-suatu yang melumpuhkan chita2 mereka, bahkan per-juangan berjalan terus sa-hingga mencha-pai kemajuan2 seperti mana yang di-chapai oleh bangsa2 asing.

Sejak akhir2 ini kita sama2 meng-ikuti akan kemajuan orang2 Melayu yang muncul satu demi satu di-gelangan perusahan2 perniagaan baik yang di-usahakan sa-chara kechil2an, mau pun yang lebeh besar dan menelan modal yang berjuta2 ringgit.

Belum lama dahulu kita telah meng-ikuti kejayaan sa-orang peniaga Melayu yang tidak asing lagi yang telah men-dirikan sa-buah sharikat memasak kayu-kayan yang kini di-kenali dengan nama Sharikat Celcure.

Beberapa kegiatan lagi telah munc-hul yang bukan hanya di-usahakan oleh orang2 persaorangan bahkan juga di-usahakan sa-chara berkongsi.

Perusahaan menjual minyak bag-i membekalkan kenderaan2 ada-lah yang banyak sekali di-usahakan oleh peni-a2 Melayu atas jasa baik dari Sharikat Minyak Shell Brunei. Perusahaan bagini telah di-jumpai di-Bunut, Kilanas, simpang Gadong, Tutong dan akan di-adakan di-Jalan Berakas.

Sempena tahun baru, maka pada 1 Januari, 1969 sa-buah lagi perusahaan perniagaan yang serupa telah di-buka dengan rasmi-nya di-Seria dan perusahaan itu di-punyai oleh Sharikat Perniagaan Minyak Melayu, Seria.

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah merasmikan pembuka-an sharikat tersebut dalam satu upacara yang di-hadhiri oleh pegawai2 kanan kerajaan dan orang2 kenamaan.

Pegawai Daerah Belait itu menguchap-tahniah atas kejayaan ahli2 sharikat itu dan mengingatkan mereka supaya menumpu-tenaga dengan jujur dan amanah bagi men-chapai kejayaan yang lebeh gemilang.

Chadangan hendak mendirikan per-usahaan itu telah ada dalam tahun 1966 dan berikutan dengan itu telah menarik minat orang2 ramai di-kawasan padang minyak. Maka dalam tahun itu juga di-tubuhkan Sha-rikat tersebut dengan modal dari jualan2 sa-ham yang terkumpul sa-banyak \$150,000.00.

Menurut sa-orang juruchakap sharikat tersebut bahawa tapak tanah sharikat yang ada sekang ada-lah di-dapati sa-chara lelong dari Kerajaan dengan harga \$34,500.00, sementara perbelanjaan pembinaan station menjual min-yak itu sa-banyak \$90,151.00.

Dengan ada-nya perusahaan tersebut di-samping perusahaan2 yang lain yang di-ken-dalikan oleh orang2 Melayu tempatan, maka ada-lah menjadi satu kebanggaan bahawa kemajuan ekonomi orang2 Melayu sejak ak-hir2 ini ada-lah bagitu cherah dan menggalak-kan dan kemajuan itu hendak-nya akan ber-tambah dari masa ka-masa.




Di-antara jemputan2 yang hadir di-upacara pembu-kaan rasmi station menjual minyak yang di-punyai oleh Sharikat PMM, Seria. Dari kanan kelihatan Y.B. Pehin Orang Kaya Laksamana, sa-orang ahli perniagaan Melayu yang terkemuka Y.B. Penu-long Menteri Kesihatan, Pe-gawai Daerah Belait; dan nombor 7 dari kanan ia-lah Pengawal Kenderaan Darat, Dato Paduka Ghani.

Sa-orang pekerja sedang me-layani pelanggan2 yang ber-kehendakkan minyak patrol.



Sharikat Perniagaan Minyak Melayu juga mengadakan tem-pat khas untuk pemeliharaan kereta2.



Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah di-seru memberikan kerjasama kapada kerajaan

TEMBURONG. — Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak telah menyeru ahli2 majlis mashuarat daerah itu, supaya sentiasa memberikan kerjasama kapada kerajaan, dalam memelihara suasana harmoni dan keamanan di-daerah itu.

Kata-nya, setiap ahli ada-lah bertanggung jawab bukan hanya sa-bagai wakil raayat tetapi bekerjasama dengan kerajaan bagai faedah raayat dan negeri.

Awang Johari telah berucap di-sidang bulanan Majlis Mashuarat Daerah Temburong yang telah berlangsung di-bilik mashuarat pejabat kerajaan di-Bangar pada hari Khamis lepas.

Pegawai Daerah itu juga berkata, kerjasama dan nasihat yang di-berikan oleh ahli2 majlis mashuarat itu kapada beliau dan jabatan-nya tahun lalu, telah menolong membolehkan pelaksanaan dengan jaya-nya segala projek pembangunan di-daerah Temburong.

Beliau memberikan ucapan terima kasih kapada ahli2 majlis dan penduduk2 di-daerah itu, kerana kerjasamanya, dan menyeru mereka

memberikan perkhidmatan yang sa-rupa tahun ini.

Kata-nya, di-antara berbagai kejayaan yang di-chapai tahun lalu, di-bawah projek kemajuan termasuklah pembenan jalan2, kechil, balai2 raya, tambatan2 bagi kampong2 di-sungai2 dan jambatan2.

Awang Johari berkata, jabatan-nya sentiasa menumpu perhatian untuk memperbaiki kesihatan penduduk2 dan telaga2 yang di-bena oleh kerajaan akan sentiasa di-pereksa dan di-pelihara.

Dalam mashuarat itu sa-banyak lima usul telah di-luluskan.

Pengiran Zulaihi bin Pengiran Tajuddin wakil kawasan Bangar dan Awang Haji Jaafar bin Ali — wakil kawasan Bokok — masing2 mengemukakan dua usul sementara Awang Opai bin Kipar — wakil kawasan Belaban — mengemukakan satu usul.

Majlis itu juga telah memberikan jawapan2 kapada dua soalan bertulis dari ahli2 majlis mashuarat itu.

Kerajaan jelaskan tentang asrama di-London

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah menjelaskan lagi dasar-nya bagi menguntukkan tempat tinggal di-asrama kerajaan di-Leinster Square, London.

Sa-buah kenyataan Setia Usaha Kerajaan yang di-ke-luarkan berkata, tujuan utama di-adakan asrama itu, ialah bagi menempatkan pe-

kerana melanjutkan pelajaran-nya di-sekolah2 menengah di-republik itu.

Mereka pulang ka-Brunei bulan lalu kerana chuti sekolah.

Pegawai Dermasiswa Jabatan Pelajaran, Awang Hamdani bin Haji Rahman berkata, sa-ramai 48 orang lagi penuntut2 akan bertolak ka-Singapura untuk meneruskan pengajian-nya, sa-baik2 sahaja tambang pelayaran mereka telah di-atorkan. 20 dari mereka ia-lah penuntut2 baru.



Gambar menunjokkan Awangku Mohd. Yassin bin Pengiran Ahmad (kiri) dan Awang Osman bin Omar yang telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu untuk menghadiri kursus di-sana.

Awangku Yassin sa-orang pegawai Jabatan Kebajikan Masharakat akan menghadhiri kursus kebajikan sa-lama enam bulan di-Sallyoak College.

Awang Osman, pegawai imigresen, akan menghadhiri kursus bagi pegawai2 imigresen seberang laut di-Britain sa -lama enam minggu.

(Dari Muka 2)

Kemajuan juga ada-lah dibuat dalam jurusan Rancangan Perbandaran. Sa-belum tahun 1966 tidak ada pelan yang terator tetapi sekarang satu rancangan untuk Bandar Brunei telah pun di-rangka dan kerja2 mengenai pelan2 yang sama ada-lah maju ka-hadapan untuk Kuala Belait, Seria, Tutong dan perluasan kawasan di-Bangar.

Dengan tujuan utama bagi memberikan kapada Kerajaan satu asas perangkaan yang lengkap dan boleh di-perchayai mengenai sosial, ekonomi dan keadaan penduduk dalam Negeri ini, banchi yang pertama sekali di-Brunei mengenai Tinjauan chontoh2 Demographic — telah di-jalankan di-sepanjang tahun 1968.

Dengan penubuhan satu bagian perangkaan maka adalah di-harapkan bahawa tinjauan selanjut-nya mengenai berbagai2 jenis akan di-jalankan dari masa ka-semasa. Kerana dengan jalan yang demikian akan membolehkan Kerajaan bagi merumuskan dasar2 yang sehat yang sehat untuk kemajuan sosial dan ekonomi.

Sa-bagai penutup bahawa ada-lah satu kegembiraan bagi saya kerana dapat memaklumkan kapada Ahli2 Yang Berhormat ia itu mengenai kedudukan kewangan Negara yang sehat dan segala sesuatu-nya yang di-lakukan bagi meningkatkan lagi darjah kehidupan ra'aayt. Maka dengan hal yang demikian, Dato Yang Di-Pertua Dewan, saya suka hendak menhadangkan supaya satu Undang2 bagi mengeluarkan sa-jumlah wang dari Wang Fund Yang Di-Satukan bagi perkhidmatan tahun 1969, hendaklah di-bacha buat kali yang kedua-nya.

Meneruskan pelajaran sa-telah berchuti

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 18 orang penuntut Brunei, semua-nya perempuan yang belajar di-Maktab Puteri Tengku Ampuan Mariam Johore Bahru, telah meninggalkan tanah ayer pada minggu lalu untuk meneruskan pengajian-nya sa-telah menghabiskan chuti di-Brunei.

Pada hari Khamis lalu, sa-ramai 62 orang penuntut termasuk dua orang perempuan telah berlepas ka-Singapura,

181 orang ambil pereksa G.C.E.

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 181 chulun di-Brunei sedang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Am mulai 2 Januari hingga 28 Januari ini.

Peperiksaan itu di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan Maktab Anthony Abell Seria.

Keputusan pepereksaan2 menaip dan trengkas Melayu

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 60 orang chalun telah lulus dalam pepereksaan2 menaip dan trengkas yang telah di-adakan di-Bandar Brunei dalam bulan Nobember tahun lepas.

Pepereksaan yang di-anjor-kan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia itu telah di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei.

Dalam pepereksaan menaip, sembilan orang telah lulus dalam peringkat tertinggi, 15 orang telah lulus dalam peringkat menengah — dua daripada-nya mendapat pangkat istimewa dan dalam peringkat permulaan sa-ramai 27 orang telah lulus — sa-orang mendapat pangkat istimewa.

Dalam pepereksaan trengkas, dua orang telah lulus dalam peringkat tertinggi dan tujuh orang telah lulus dalam peringkat permulaan.

Berikut ini ia-lah chalun2 yang telah lulus dalam pepereksaan tersebut:

Penyemboran ubat DDT

BANDAR BRUNEI. — Ka-kitangan luar Projek Penghapus Malaria, akan melakukan penyemboran ubat DDT, di-sebelas buah kampung di-Daerah Brunei-Muara, dalam bulan ini mulai dari 13 Januari ini.

Kampung2 itu mempunyai 1,548 orang penduduk, dan 270 buah rumah.

Pihak berkuasa projek penghapus malaria, menganggarkan, bahawa sa-banyak 777 litre ubat DDT, akan di-gunakan untuk menyem- bor kampung2 itu.

Di-bawah ranchangan pen- yemboran yang ada sekarang, semua rumah, pondok dan bangunan2 baru akan di-sem- bor dengan ubat DDT.

Menaip Peringkat Tertinggi:— Awang Damit bin Awang Tengah, Dy. Norsainah bte Awang Ering, Halimah bte Awang Tengah, Ak. Ismail bin Pengiran Hidup, Awang Parman bin Rawidin, Ali Hassan bin Awang Atai, Awang Ibrahim bin Md. Yusof, Dk. Mahani bte, P.H. Abdul Wahab, dan Dk. Jijah bte P. Haji Chuchu.

Menaip Peringkat Menengah:— Awang Abu Bakar bin Samad — (Istimewa), Ak. Hashim bin P. Haji Md. Daud — (Istimewa), Ibrahim bin Abdul Kadir, Abdul Wahab bin Jali, Siti Hajar bte Abdul Latif, Norsiah bte Md. Salleh, Abu Bakar bin Haji Abd. Latif, Ak. Omar bin Pg. Petra, Duming bin Haji Abd. Wahab, Junaidah bte Yahya, Salmah bte. A. Daim, Abd. Hamid bin Damit, Abd. Gahni bin Abu Bakar, Sarbanun bte. Abdi Manaf dan Hamisah bte A. Latif.

Menaip Peringkat Permulaan:— Sarbanun bte Abdi Manaf — (Istimewa), Md. Jaafar bin A. Ahmad, Rosnah bte, Penglima Askar H. Abdullah, Idris bin Haji Nasir, Ak. Duraman bin P.H. Merali, Dk. Fatimah bte Pengiran Ajak, Aminah bte Abd Rahman, Imam bin Apong, Abdul Wahab bin Mokti, Salmah bte. A. Daim, Dayang Armah bte Osman.

Zainab bte Haji Husaini, Sallah bin Md. Haki, Marzuki bin Mustapha, Gian Anak Janji, Tamid Tengah, Dk. Norsiah bte Pg. Zainal, Hajjah bte Ag. Jair, Dk. Normah bte, Pengiran Jaya, Ahamad bin Samad, Abu Bakar bin Abd. Rahman.

Moksin bin Awg. Damit, Ak. Hidup bin Pg. Tuah, Md. Salleh bin Md. Noor, Ak. Badaruddin bin Pg. Metassan, Ak. Seruddin bin Pg. Haji Md. Daud dan Mustapha bin Burok.

Trengkas Peringkat Tertinggi:— Zainal bin Md. Taha dan Mohd. Hussein bin Hassan.

Trengkas Peringkat Permulaan: Masni bte Mohammad, Awang Adnan Manggong, Abu Bakar bin Abd Latif, Abu Bakar bin Samad, Dk. Mastura bte Pengiran Mustapha, Tuah bin Metussin dan Imam bin Apong.

Sementara itu tiga orang pe- lajar Brunei yang sekarang ini menjalani kursus urusan rumah tangga di-Republik Singapura telah lulus dalam pepereksaan pe- rangkat permulaan.

Mereka ia-lah Janah bte M. Yusof, Zaleha bte Hamzah dan Rashidah bte Shahbudin.

69 ORANG MASOK PEREKSA L.C.C.

BANDAR BRUNEI. — Jaba- tan Pelajaran telah menerima permohonan dari 69 orang chalun, termasuk 13 dari Dae- rah Belait untuk memasoki pe- pereksaan London Chamber of Commerce, dalam bulan Mei tahun ini.

Pepereksaan itu akan di- jalankan di-Sekolah Melayu Puser Ulak, Bandar Brunei, dan di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Perkara2 dalam pepereksaan ia-lah menaip, ilmu kira2, trengkas dan ilmu menyimpan kira2, dalam tiga peringkat ia- itu Tertinggi, Menengah dan Permulaan.

Jabatan Setor pindah ka-bangunan baru

BANDAR BRUNEI. — Pe- ngawal Setor2 Kerajaan, Awang Anthony Newn dan kaki tangan-nya, telah berpinda- dah ka-komplex-nya yang baru di-Gadong.

Ketika mengumumkan de- mikian, beliau berkata, kerja memindahkan semua jenis ba- rang2 simpanan Setor telah se- lesai bulan lalu, kecuali baha- gian spare-part dan kaki ta- ngan-nya masih berada di-tem- pat lama ia-itu di-kawasan Ja- batan Kerja Raya di-Tasek.

Pembinaan kompleks setor yang mempunyai gudang dan pejabat2 yang menelan belanja \$5½ juta itu, memakan masa sa-lama kira2 18 bulan.

Setor baru itu memberikan kemudahan bagi penempatan berbagai jenis barang yang di- gunakan oleh kerajaan sa- hari2 dan bagi penempatan barang2 makanan yang perlu.

Perlawanan hoki enam orang sa-pasokan anjoran AMDB

BANDAR BRUNEI. — Pa- sokan Askar Melayu Di-Raja Brunei, akan mengadakan per- lawanan hoki enam orang sa- pasokan di-Berakas Kem pada hari Ahad 2 Februari.

Perlawanan sa-chara kalah mati itu, ada-lah terbuka ka- pada pasokan bersenjata di- Brunei termasuk pulis, seko- lah2, maktab, kelab2 dan per- satuan2.

Pegawai hoki regiment itu telah pun membahagikan2 bo- rang2 untuk memasoki per- lawan tersebut, dan ia-nya hen- dak-lah di-kembalikan tidak lewat dari hari Rabu 15 Januari ini.

Perlawanan akan di-jalankan di-sebelah pagi, bergantung ka- pada jumlah pasokan yang men- nyertai-nya.


Lt. Muda Abdul Ra- hman bin Mustafa dan be- kas anggota2 platoon nombor

4 pasokan itu, telah mender- makan sa-buah piala untuk di- hadiahkan kepada pasokan yang menang.

Kelas2 dewasa di-buka 13 Januari

SERIA. — Pemangku Penga- rah Pelajaran, Awang Nordin bin Abd. Latif mengumumkan, bahawa semua kelas2 dewasa yang di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran, akan di-buka mulai 13 Januari ini, kecuali kelas dewasa di-Maktab Anthony Abell Seria, akan di-buka pada 20 Januari.

Orang2 dewasa yang ingin memasoki kelas2 dewasa, ada- lah di-minta berhubung dengan pengelola kelas2 dewasa di- tempat2 di-mana sahaja kelas2 dewasa di-adakan.



SEMOGA TAHUN 69 INI AKAN MENGUKIRKAN PEMBANGUNAN DISETIAP BIDANG!.

PERLU-NYA SUKONGAN BELIA TERHADAP NEGARA

(Dari Muka 1)

Mengenai Kongres Belia itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan berharap supaya akan dapat menjelmakan beberapa perkara yang akan mendatangkan faedah bukan sahaja kepada belia2 tetapi juga kepada raayat dan negara.

Sa-belum itu, Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar telah berucap mengenai kegiatan2 belia2 di-negeri ini.

Awang Abdul Aziz menegaskan bahawa badan2 belia di-negeri ini telah berjaya mengusahakan kegiatan2 berkebaikan dan berkembang maju di-bidang2 sosial dan ekonomi.

Beliau juga telah menyebut beberapa kegiatan2 belia yang akan berjalan terus pengusahaan-nya seperti kedai2 kecil, pengangkutan, perusahaan2 yang berupa pertanian dan perikanan.

"Sejak akhir2 ini, kata-nya, pehak belia2 telah pun cuba melangkah ka-arrah rancangan permakanan sekolah."

Awang Abdul Aziz juga telah membayangkan tentang usaha hendak menubuhkan Pusat Perekonomian bagi kepentingan pergerakan belia di-seluruh negeri.

"Pada perengkat negara, usaha2 yang berupa asas bagi menubuhkan badan2 Pusat Perekonomian telah mula di-ranchangkan sa-chara yang praktikal dan rundingan2 mengenai hal ini sedang berjalan dengan baik," tegas beliau.

Hasil dari kegiatan2 belia itu, kata-nya, bukan hanya menampakkan faedah2 yang berkesan, bahkan juga telah mendapat pengakuan oleh Pertubuhan Belia2 Sa-Dunia, malah telah di-chutohi oleh negara2 lain.

Lebih dari 200 orang belia di-seluruh negeri telah had-

hir dalam Kongres tersebut. Di-antara orang2 kenamaan yang hadir termasuklah Yang Amat Mulia Cheteria2, Yang Berhormat Penulong2 Menteri dan pegawai2 kanan Kerajaan.

Wakil dari seluruh persatuan2 Belia Negeri Brunei yang menyertai Kongres Agong Perwakilan Majlis Belia2 kelihatan sama2 menadah tangan mengaminkan do'a bagi memohon keredhaan Allah yang memberkati kegiatan2 belia.



MBB akan hantar wakil ka-sidang belia di-Belgium

BANDAR BRUNEI. — Tiga kertas kerja telah di-bentangkan dalam persidangan Kongres Agong Perwakilan Majlis Belia2 Negeri Brunei yang berlangsung di-Dewan Raya, JPP dan DBP, Bandar Brunei pada hari Rabu, 1 Januari lepas.

Ketiga2 kertas kerja itu ialah mengenai Perhimpunan Agong Belia2 Sa-Dunia yang akan di-adakan di-Belgium pada bulan Ogos tahun ini; Pusat Belia Negeri Brunei; dan Pegawai Penyusun Rancangan Belia2 bagi Daerah Belait.

Membincangkan ketiga2 kertas kerja itu, kertas kerja yang pertama telah mendapat sambutan yang hangat di-kalangan peserta kongres terutama sekali mengenai perkara2 yang akan di-bincangkan oleh Perhimpunan Agong Belia Sa-Dunia.

Kongres mengharapkan supaya Majlis Belia2 Negeri Brunei akan dapat menghantar perwakilan-nya kepada perhimpunan itu.

Di-akhir persidangan Kongres itu telah melantek lima orang ahli jawatankuasa tetap pusat Majlis Belia2 Negeri Brunei yang baharu bagi

menggantikan jawatankuasa2 yang bertugas di-sepanjang tahun 1967/1968.

Mereka yang di-lantek bagi menjalankan tugas2 dalam perkhidmatan tahun 1969/70 ia-lah seperti berikut:

Yang Di-Pertua: Yang di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Md. Zain bin Haji Serudin;

Timbalan Yang Di-Pertua: Awang Jaya bin Abdul Latif;

Pengerusi Tetap Tertinggi: Awang Abdul Hamid bin Bakal;

Setia Usaha Agong Tertinggi: Awang Yaakub bin Ahmad; dan

Bendahari Agong Tertinggi: Awang Haji Tarif bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Haji Mohammad.

Jalan2 kechil rosak

BANDAR BRUNEI — Pegawai Daerah Brunei-Muara mengumumkan kepada orang ramai bahawa oleh kerana pada masa ini ia-lah musim hujan, maka keadaan jalan2 kechil di-Mukim Pengkalan Batu telah di-dapati rosak.

Dari itu, untuk mengatasi kerosakan ini dan juga untuk menjaga keselamatan orang ramai, maka pengguna2 jalan2 di-Mukim Pengkalan Batu, terutama sekali pengguna2 jalan yang menuju ka-Limau Manis, ada-lah di-nasihatkan supaya jangan terlampau berulang alek menggunakan jalan tersebut buat sementara ini.

1,500 masok ka-sekolah2 Inggeris tahun ini

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 1,500 orang kanak2 sekolah rendah dari semua sekolah Melayu dan China di-negeri ini akan di-terima masok ka-sekolah2 Inggeris kerajaan dalam tahun ini.

Mereka telah di-pilih dari 2,526 orang kanak2 yang telah mengambil peperiksaan pemilihan yang telah di-adakan dalam bulan September tahun lalu.

Peperiksaan itu ia-lah untuk menguji kebolehan kanak2 sekolah itu bagi memasoki kelas2 persediaan Inggeris kerajaan.

Sa-ramai 775 orang daripada kanak2 sekolah yang berjaya itu ada-lah perempuan.

Pembahagian bilangan kanak2 yang berjaya di-tiap2 bahagian ia-lah: Brunei Satu — 453 orang, Brunei Dua — 388 orang, Brunei Tiga — 66 orang, Tutong Satu — 111 orang, Tutong Dua — 69 orang, Daerah Belait — 268 orang, Temburong — 24 orang dan sekolah2 China — 111 orang.

Sa-lain dari 111 orang kanak2 sekolah China yang berjaya itu, sa-ramai 25 orang lagi kanak2 China yang belajar di-sekolah2 Melayu telah berjaya dalam peperiksaan itu.

Sa-orang juruchapak Jabatan Pelajaran berkata, ini ia-lah bilangan yang terbesar sekali pernah di-masokkan ka-kelas2 persediaan Inggeris kerajaan.

Murid2 yang berjaya itu akan mula belajar di-kelas2 persediaan di-seluruh negeri pada 5 Februari hadapan.

Pada tahun lalu sa-ramai 1,365 orang murid dari sekolah2 rendah Melayu dan China di-negeri ini telah di-masokkan ka-kelas2 persediaan Inggeris kerajaan dalam bulan Februari tahun lepas.

Pelajaran dewasa di-buka 13 Jan.

BANDAR BRUNEI — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa telah mengumumkan bahawa pelajaran2 dewasa akan di-buka semula mulai 13 Januari, 1969.

Di-antara pelajaran2 itu termasuklah Trengkas dan Menaip, Pelajaran Bahasa Inggeris, Melayu, China, Jepon,

Hindi, Peranchis; Music, Seni Sulek (make-up), Seni Lukis (Art), LCE/GCE/FMC/HSC; Silat/Kuntau.

Orang2 yang ingin memasoki pelajaran2 tersebut boleh-lah mendapat borang2 dari Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa, Penyelia Kelas2 Dewasa atau Guru2 yang mengajar.